

**UCAPAN DAN AMANAT  
YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI  
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL  
EHWAL PENGGUNA**

**SEMPENA**

**MAJLIS ASPIRASI TAHUN BAHARU 2022  
ANGGOTA PENTADBIRAN  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**“KELUARGA KPDNHEP, MELANGKAH BERSAMA”**

**6 JANUARI 2022, KHAMIS**

YB Dato' Rosol bin Wahid

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal  
Ehwal Pengguna

YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad  
Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal  
Pengguna

YBhg. Datuk Roziah binti Abudin,  
YBhg. Datin Roszanina binti Wahab,  
Timbalan Ketua Setiausaha

Pegawai-pegawai Kanan KPDNHEP,

Rakan-rakan media,

Dato'-Dato'/Datin-Datin/Tuan/Puan warga KPDNHEP  
yang saya hormati sekalian.

## PENDAHULUAN

Kita baru menjejak ke hari yang keenam dalam tahun 2022, jadi masih tidak lewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2022 kepada semua warga Kementerian. Dalam tidak sedar, ini adalah tahun ketiga kita semua melalui kehidupan dalam era pandemik sejak ia tular pada penghujung tahun 2019. Secara terpaksa dan tidak bersedia, kita melangkah dengan norma baharu yang menuntut perubahan yang drastik yang akhirnya kini telah menjadi sebahagian kita yang baharu. Daripada separa manual kepada digital sepenuhnya. Daripada kehidupan seharian hinggalah penyampaian perkhidmatan yang telah melalui satu revolusi luar biasa.

Segalanya telah kita lalui bersama. Kejayaan yang dicipta pada tahun 2021 menjadi penanda aras dan pembakar semangat untuk kita terus melakar sejarah baharu, memperbaiki kelemahan seterusnya menepis kegagalan.

“The *past* is where you learn the lesson; the *future* is where you apply the lesson”. **Sebagai satu Kementerian, satu keluarga yang prihatin dan bersatu menyahut aspirasi Keluarga Malaysia, marilah kita bersama-sama melangkah di tahun 2022 dengan satu tema “Keluarga KPDNHEP Melangkah Bersama”.**

## **PENCAPAIAN KPDNHEP 2021**

Keluarga KPDNHEP yang saya hormati,

Cabaran dan masalah yang tiba akan menjadi peluang bergantung kepada bagaimana kita melihat masalah tersebut.

Tahun 2021 telah terukir dalam sejarah negara bagaimana kita bangkit akibat kesan penularan pandemik COVID-19. Hakikatnya kita perlu menerima bahawa kita perlu menjalani kehidupan dengan pandemik COVID-19 menjadi sebahagian dalam kehidupan kita. Sebab itu Kerajaan begitu komited untuk mengubah senario COVID-19 di negara kita daripada pandemik kepada endemik.

Saya amat berbangga, Kementerian ini, KPDNHEP merupakan kementerian *frontliner* yang memainkan peranan utama dalam mencapai hala tuju yang ditetapkan oleh Kerajaan sepanjang tempoh kita mengharungi cabaran pandemik. Apabila Kerajaan melancarkan program vaksinasi kebangsaan, kita sebagai Kementerian telah mempercepatkan capaian komuniti kelompok melalui Program Vaksinasi Industri Peruncitan (RIVAC). Program kita ini telah membantu industri mempercepatkan pembukaan sektor peruncitan.

Dengan norma transaksi sepanjang pandemik ini turut berubah, KPDNHEP telah memperhebatkan inisiatif adaptasi teknologi digital melalui Inisiatif Pendigitalan Sektor Runcit (REDI) yang telah dilancarkan di Putrajaya pada April 2021. Kini, REDI akan diperluaskan kepada peniaga luar bandar seperti yang dilaksanakan di Kapit dan Hulu Terengganu. Selain itu, Program Jualan Malaysia digerakkan bertujuan merancakkan aktiviti membeli belah sekaligus memberi manfaat kepada peniaga tempatan. Program Jualan Malaysia dilaksanakan menerusi pelbagai segmen seperti segmen perayaan, segmen khas *Back To School*, Hari Sukan Negara, serta segmen Jualan Keluarga Malaysia pertengahan tahun dan akhir tahun.

YAB Perdana Menteri Dato' Sri Ismail Sabri Yaacob telah menetapkan sasaran pencapaian dalam 100 hari, yang mana "Keluarga KPDNHEP Melangkah Bersama" untuk mencapai tiga (3) sasaran yang ditetapkan. KPDNHEP telah berjaya memberikan geran penuh dan geran padanan berjumlah RM4.5 juta di bawah Program Pembangunan Francais Makro & Francais Mampu Milik melibatkan 37 penerima geran.

Selain itu, sasaran untuk menurunkan harga kit ujian pantas antigen COVID-19 berjaya dicapai tanpa perlu meminda harga kawalan walaupun ada pihak yang meminta tetapan harga kawalan kit ini diturunkan. Walau bagaimanapun, kita berjaya menurunkan harga kit ini melalui kuasa pasaran dan akses

pembelian yang lebih banyak dan difahamkan kit ujian sendiri pada masa ini boleh didapati di 7,842 premis seluruh negara dengan harga RM5.90.

Berhubung dengan pengecualian kawal selia LPG di negeri Sarawak, kejayaan ini bukan sekadar kejayaan biasa tetapi ia merupakan simbolik kepada hubungan erat Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sarawak. Selain impak ekonomi yang dinikmati, ia juga memberi peluang kepada rakyat Sarawak untuk turut terlibat dalam tadbir urus industri minyak. Tahniah Keluarga KPDNHEP!

KPDNHEP acap kali menjadi sandaran rakyat terutama dalam menangani isu kenaikan harga barangan keperluan pengguna. Pendekatan yang diambil oleh KPDNHEP memperlihatkan betapa Kementerian memahami keluh kesah dan rintihan rakyat di mana KPDNHEP terus bertindak *into the center of the storm*. KPDNHEP bersama pemain industri serta Kementerian dan Jabatan berkaitan sentiasa berusaha mencari kaedah penyelesaian terbaik untuk pengguna.

KPDNHEP juga melaksanakan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) bagi mengekang kenaikan harga barangan daripada terus meningkat malah memanjangkan tempoh tersebut bermula 7 Disember yang lalu. Malah, tempoh ini dilanjutkan lagi sehingga 4 Februari ini bagi menstabilkan

harga barangan keperluan pasca banjir. Dalam masa yang sama pelaksanaan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) dengan peruntukan RM100 juta membolehkan pengguna untuk menikmati harga barangan pada 15-20% lebih murah.

Saya bersyukur kerana segala usaha yang dilakukan mula membuahkan hasil di mana harga barangan pengguna mula dilihat stabil. Walau bagaimanapun saya ingin mengingatkan kepada Keluarga KPDNHEP untuk tidak terus selesa. Kita hendaklah sentiasa *one step ahead* bagi membolehkan tindakan dan keputusan yang diambil dalam menangani isu harga barangan adalah *proactive*, bukan bersifat *reactive*.

Agensi KPDNHEP juga tidak ketinggalan memberikan sumbangan signifikan sepanjang tahun 2021. Pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah menyediakan pelbagai kemudahan seperti pengecualian, moratorium serta fasilitasi kepada komuniti peniagaan yang terkesan dan yang mula ingin bangkit akibat pandemik COVID-19. Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) juga pada Oktober 2021 telah mengeluarkan Kajian Pasaran Ke Atas Sektor Pengangkutan bagi melihat praktis anti persaingan dan mengemukakan cadangan bagi meningkatkan kecekapan dalam sektor pengangkutan. Bagi memastikan pasaran negara kekal kompetitif, KPDNHEP telah meminda Rang Undang Undang Paten 2021, Rang Undang Undang Hak Cipta 2021 dan Rang

Undang Undang Petunjuk Geografi 2021 bagi memenuhi komitmen meratifikasikan *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP). Izinkan saya untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih, bermula daripada YB Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha dan seluruh Keluarga KPDNHEP atas idea, usaha dan komitmen yang ditunjukkan sepanjang tahun 2021. Marilah “Keluarga KPDNHEP Melangkah Bersama” untuk terus mencipta kejayaan dan mencapai kecemerlangan, ***‘Let’s make Excellence a habit. Not an event’***

Keluarga KPDNHEP yang saya hormati,

## **FOKUS KEMENTERIAN UNTUK TAHUN 2022**

### **i. Cabaran Varian Omicron dan Musibah Banjir**

Menelusuri tahun 2022, saya mengajak “Keluarga KPDNHEP Melangkah Bersama” bergerak ke hadapan sebagai Keluarga Malaysia dengan keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran sebagai nilai teras. Di kesempatan ini jua, saya ingin mengingatkan kepada Keluarga KPDNHEP untuk terus peka dan patuh dengan SOP serta menjaga diri lebih lebih lagi dengan kemunculan varian baharu Omicron yang lebih berbahaya. Saya juga berpesan agar Keluarga KPDNHEP bersiap siaga bagi menghadapi sebarang penularan di negara ini.



Kita menjengah tirai tahun 2022 dengan musibah banjir yang berlaku di beberapa buah negeri. Malah sehingga hari ini, amaran berjaga-jaga masih dikeluarkan dan semua agensi Kerajaan sedang bersedia untuk berhadapan dengan gelombang kedua. Baribu-ribu rakyat, malah ada warga Kementerian yang terkesan akibat musibah banjir ini.

Saya memuji langkah yang diambil oleh Sekretariat Food Bank Malaysia dalam mengagihkan bakul makanan kepada mangsa banjir. Kerja-kerja pembersihan yang digerakkan oleh Skwad Sukarelawan Banjir (SSB) KPDNHEP adalah satu tindakan yang mulia ketika rakyat sedang dalam kesusahan. Semua ini mencerminkan kesungguhan dan komitmen Keluarga KPDNHEP dalam memahami kesusahan, keluhan dan denyut nadi rakyat. Saya menyeru agar usaha-usaha pemulihan bencana banjir yang akan digerakkan mendapat sokongan daripada semua Keluarga KPDNHEP.

## **ii. Hala Tuju Ekonomi Malaysia 2022; Mencipta Permintaan dan Sumber Pendapatan dan Pekerjaan Baharu**

Pada tahun ini, Kerajaan akan merancakkan **pemulihan ekonomi** dengan melaksanakan pelbagai inisiatif dalam Rancangan Malaysia Ke-12 dan Bajet 2022. Dengan semangat

keterangkuman yang sama, fokus terus diberikan kepada inisiatif **pembasmian kemiskinan dan pembangunan luar bandar** di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang mana inisiatif ini amat dekat di hati saya.

Selain itu, usaha **menstrukturkan semula ekonomi** akan diteruskan dengan tumpuan kepada peningkatan nilai dagangan termasuk nilai dagangan borong dan runcit, mengurangkan kadar penganguran serta kemasukan pelaburan langsung asing. Seperti yang saya selalu nyatakan bahawa Keluarga KPDNHEP mempunyai berperanan dalam **mencipta permintaan (creating demand)** serta **mencipta pendapatan dan pekerjaan baharu** kepada rakyat Malaysia. Berdasarkan pernyataan dasar ini, saya berharap ia akan diterjemahkan kepada program dan inisiatif yang bertindak menyokong kepada inisiatif makro yang saya nyatakan sebentar tadi.

Keluarga KPDNHEP yang saya hormati,

### **iii. Pelaksanaan Program dan Inisiatif Kementerian**

Saya menyeru agar semua pihak memberikan komitmen bagi memastikan semua inisiatif KPDNHEP yang digariskan dalam RMK-12, Bajet 2022 serta program berimpak tinggi dilaksanakan dengan jayanya. Selain itu, saya berharap agar

semua program dan inisiatif tahun ini selari dengan *living document* atau *living initiative* seperti Keluarga Malaysia, Industrial Revolution 4.0 (IR.4.0), Sustainable Development Goal (SDG), Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) serta tidak dilupakan Pelan Strategik KPDNHEP 2021-2025.

Selain itu, program dan inisiatif daripada Keluarga KPDNHEP perlu bersifat *rakyat centric*, memudahcara perniagaan, memiliki nilai kepada pemegang taruh dan menambahbaik tadbir urus.

*We want to facilitate, not to frustrate.*

*We will work together, not in silo.*

Setiap inisiatif dan program yang Keluarga KPDNHEP rancang, akan dipastikan sampai, dinikmati dan dirasai oleh golongan sasaran dan golongan rentan. Kegagalan manfaat program dan inisiatif ini sampai ke golongan yang sepatutnya hanya disebabkan ketidakcekapan daripada kita tidak boleh berlaku sama sekali.

#### **iv. Budaya Kerja Berprestasi Tinggi**

Melihat kepada pelaksanaan inisiatif dan program yang telah, sedang dan akan dilaksanakan, serta permasalahan yang

sering diajukan kepada kita, tidak susah untuk memahami ekspektasi dan harapan rakyat kepada Kementerian. Bagi memenuhi ekspektasi ini, Keluarga KPDNHEP dituntut untuk memberikan yang terbaik.

Sesuai dengan cabaran dan ekspektasi semasa, marilah kita Keluarga KPDNHEP menyuburkan **Budaya Kerja Berprestasi Tinggi**. Di sini, saya menyegarkan semula ingatan kita semua semasa saya menyampaikan perutusan tahun 2021 yang lepas, saya ada memperkenalkan **5 pillars of excellence KPDNHEP 2021**, iaitu “**People, Purpose, Process, Performance and Progressive**” dan konsep “**3S**” dalam pengurusan pelanggan, iaitu “**Speed, Simple, Satisfied**”. Marilah kita menjadikan nilai-nilai ini terus diamalkan agar budaya kerja berprestasi tinggi dalam Keluarga KPDNHEP bercambah subur dalam setiap ahli Keluarga KPDNHEP.

#### **v. Inisiatif dan Program Keluarga KPDNHEP 2022**

Kementerian akan sentiasa meneruskan inisiatif yang boleh membantu rakyat dan peniaga dalam memperkukuhkan ekosistem perdagangan dalam negeri. Sehubungan itu, antara inisiatif dan program yang akan dilaksanakan oleh KPDNHEP pada tahun ini adalah seperti:

- i. **Inisiatif Kempen Beli Barangan Malaysia 2022 dan Program Jualan Malaysia;**
- ii. **Memperhebatkan Aktiviti kepenggunaan ;**
- iii. **Program Pembangunan Francais Mikro & Francais Mampu Milik dan Program Pembangunan Francais;**
- iv. **Program Memperkasakan Industri Jualan Langsung;**
- v. **Mengoptimumkan program subsidi di bawah kawalselia Kementerian;**
- vi. **Memperkasakan Aspek Pemantauan, Pematuhan dan Penguatkuasaan termasuk melibatkan isu Halal;**
- vii. **Meneruskan agenda pemerksaan penyampaian Kementerian termasuk Agensi di bawah KPDNHEP;**  
dan
- viii. **Meneruskan dan mengadakan lebih kerap sesi libat urus secara berterusan bersama dengan pihak berkepentingan melibatkan industri.**

## **PENUTUP**

Hadirin sekalian,

Sebagai Kementerian yang menjaga ekonomi dalam negeri, *we are the champion* dalam memastikan ekonomi dalam negara terus berdaya maju, progresif dan mapan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bukan sekadar nama sahaja, *we need to live up to our name!* Berbanggalah kita menjadi sebahagian Keluarga KPDNHEP ini, dan bersamalah kita komited untuk berusaha membantu rakyat dan Kerajaan, seperti mana akan disimpulkan oleh pantun ini:

***Hendak belayar ke Teluk Betong***

***Sambil mencuba labuhkan pukut***

***Bulat air kerana pembetung***

***Bulat manusia kerana muafakat***

Saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Keluarga KPDNHEP atas usaha dan komitmen yang diberikan pada tahun 2022. Marilah kita berganding tangan untuk memulihkan ekonomi negara dengan semangat Keluarga Malaysia.

Sekian terima kasih.